

PERBELANJAAN AWAL MUSIM PERSEKOLAHAN: PERBANDINGAN MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DI MALAYSIA

Syuhaily Osman
Naimah Mohd Salleh
Mumtazah Othman
Nurmaziah Zulkifli

Pusat Kecemerlangan Kajian Pengguna Lestari
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Aspek yang berkaitan dengan pembangunan modal insan sangat perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyatnya. Tujuannya adalah untuk melahirkan rakyat yang mampu berdikari, berdaya saing dan akhirnya mampu membangunkan ekonomi dan meningkatkan kemakmuran negara tersebut. Begitu juga halnya dengan kaedah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup sesebuah keluarga, iaitu melalui pelaburan modal insan ahli keluarga tersebut.

Antara langkah awal yang perlu diberi perhatian yang serius oleh sesebuah keluarga adalah yang berkaitan dengan pembelajaran dan persekolahan anak-anak mereka. Oleh itu, dalam merealisasikan pelaburan modal insan yang dimaksudkan ini, tingkah laku kewangan yang baik akan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan kewangan dan seterusnya kesejahteraan kehidupan secara keseluruhannya (Baek & DeVaney, 2004; Husniyah & Fazilah, 2009; Kim & Garman, 2003; Zaimah *et al.*, 2013).

Berhubung dengan perkara ini, peruntukan kewangan keluarga dilihat sebagai sesuatu yang sangat perlu untuk membolehkan keluarga membuat perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka dalam keadaan yang mudah dan selesa. Menurut Hurley (1981), perancangan kewangan merupakan satu proses apabila seseorang berazam, memberi keutamaan yang tinggi dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari satu alternatif yang paling berkesan dalam mencapai matlamat kewangan, di samping memperoleh ganjaran yang setimpal dengan matlamat yang akan dicapai. Perancangan kewangan melibatkan penentuan jumlah pendapatan, perbelanjaan dan

peruntukan kewangan (Garman & Forgue, 2011). Hal ini kerana tingkah laku kewangan sebenarnya merupakan satu sistem pengurusan kewangan yang sistematik, seperti membuat simpanan secara konsisten, menulis perancangan dan matlamat kewangan yang hendak dicapai (Titus, Fanslow, & Hira, 1989).

Setiap kali pada akhir tahun, keluarga yang masih mempunyai anak-anak yang bersekolah akan berhadapan dengan isu perbelanjaan persekolahan untuk anak-anak mereka. Ditambah dengan peningkatan harga barangan di pasaran, ia memerlukan keluarga merancang kewangan mereka terutamanya dalam perbelanjaan untuk persiapan awal persekolahan anak-anak. Hal ini kerana peningkatan harga barangan di pasaran ini turut memberi kesan terhadap peruntukan dan perbelanjaan keluarga.

Perancangan kewangan yang baik akan dapat membantu keluarga merealisasikan matlamat yang telah dibentuk, terutamanya matlamat yang berkaitan dengan pelaburan modal insan melalui aspek persekolahan ini. Justeru, kajian ini dilihat sangat wajar dilakukan dalam usaha untuk mengenal pasti bagaimanakah keluarga di Malaysia membuat perbelanjaan pada awal musim persekolahan dan sejauh manakah terdapatnya perbezaan perbelanjaan ini mengikut latar belakang keluarga yang berbeza-beza yang difokuskan secara khusus kepada latar belakang berdasarkan etnik. Kajian ini juga adalah unik jika dilihat daripada beberapa perkara. Pertama, kajian ini menyediakan kerangka kajian yang cuba mengenal pasti perhubungan antara etnik dengan perbelanjaan kewangan yang berkaitan dengan persediaan pada awal musim persekolahan. Kedua, kajian ini memberikan kepentingannya yang tersendiri dari segi menyumbang kepada pembentukan polisi tertentu, sama ada di pihak kerajaan mahupun di pihak pemasar, iaitu dari segi segmentasi pasaran. Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada penambahan maklumat dalam literatur yang berkaitan dengan pola perbelanjaan keluarga dan pengurusan kewangan mengikut kumpulan etnik utama di Malaysia.

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pola perbelanjaan pada awal musim persekolahan dalam kalangan keluarga di Malaysia. Objektif khusus kajian adalah untuk mengenal pasti perbezaan pola perbelanjaan pada awal musim persekolahan mengikut kumpulan etnik. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis persepsi tahap kecukupan kewangan berkaitan persediaan dan perbelanjaan awal persekolahan dan langkah berjimat cermat yang dilakukan oleh keluarga di Malaysia.

Tinjauan literatur

Pengurusan kewangan yang baik menjadi salah satu perkara penting yang akan menentukan kesejahteraan ekonomi khususnya, dan kesejahteraan hidup keluarga tersebut, secara amnya. Menurut Husniyah, Syuhaily, Mohamad Fazli, Amim, dan Ahmad Hariza (2005), keluarga perlu mengamalkan pengurusan kewangan yang cekap memandangkan secara realitinya kehidupan keluarga akan selalu berhadapan dengan pelbagai risiko dan masalah. Dalam hal ini, kajian lepas mendapati bahawa latar belakang keluarga memberikan kesan yang berbeza-beza kepada output pengurusan kewangan. Salah satu latar belakang keluarga yang dimaksudkan dan yang ingin difokuskan dalam kajian ini ialah latar belakang dari segi etnik. Hal ini kerana menurut Chen dan Volpe (1998), terdapat perkaitan yang signifikan antara etnik dengan tahap pengetahuan kewangan responden dalam kajian mereka.

Walaupun kajian lepas telah banyak dilakukan mengenai pola perbelanjaan keluarga (contoh: Fan & Lewis, 1999; Fontes & Fan, 2010; Husniyah *et al.*, 2005; Husniyah & Fazilah, 2009), namun kajian yang memfokuskan kepada perbelanjaan terhadap persediaan awal keluarga dalam menghadapi musim persekolahan anak-anak mereka masih kurang atau mungkin tidak pernah dijalankan. Namun begitu, kajian yang memfokuskan kepada perbandingan pola perbelanjaan dan kewangan keluarga mengikut etnik dilihat semakin meningkat (Geng, 2001). Hal ini kerana kumpulan etnik yang berbeza mempunyai ciri dan latar belakang sosiodemografi dan sosioekonomi yang berbeza. Begitu juga, kumpulan etnik yang berbeza biasanya mempunyai latar belakang budaya yang berbeza. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi persekolahan anak-anak, mungkin akan terdapat persamaan atau perbezaan yang tertentu dari segi nilai, sikap, persepsi, keperluan, kepercayaan dan sebagainya, berkaitan kewangan (Fan & Zuiker, 1998). Hal ini seterusnya akan mempengaruhi keluarga dalam menyediakan perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka, di samping turut mempengaruhi pola perbelanjaan dan pengurusan kewangan keluarga.

Fan dan Zuiker (1998) telah mengkaji perbandingan etnik dari segi pola peruntukan kewangan isi rumah yang melibatkan kumpulan etnik *Hispanic* dan *Non-hispanic*. Mereka mengkaji kumpulan etnik ini atas dasar bahawa kumpulan etnik yang berbeza turut mempengaruhi pola pengurusan kewangan isi rumah kerana terdapatnya perbezaan yang unik dari segi budaya dan tradisi sesuatu kaum. Perbezaan budaya dan tradisi ini akan mempengaruhi latar belakang keluarga seperti saiz atau bilangan ahli keluarga, yang seterusnya akan mempengaruhi pula cita rasa dan gaya hidup mereka. Fan dan Zuiker (1998) juga mendapati bahawa faktor etnik

mempengaruhi masalah dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga, iaitu yang berkaitan dengan ekonomi keluarga dan tingkah laku kewangan mereka.

Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan yang berbentuk tinjauan dan sampel kajian terdiri daripada keluarga yang mempunyai anak yang masih bersekolah. Sebanyak 326 buah keluarga telah terlibat dalam kajian ini telah dikenalpasti melalui kaedah persampelan mudah dan borang soal selidik diedarkan melalui pelajar UPM yang mengikut kelas yang dipilih secara bertujuan bagi mendapatkan data daripada pelbagai negeri di seluruh Malaysia. Data untuk kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden, iaitu ketua keluarga ataupun isteri mereka. Borang soal selidik mengandungi empat bahagian iaitu latar belakang dan profil keluarga responden, serta maklumat persekolahan anak-anak dan pola perbelanjaan, persepsi terhadap tahap kecukupan pendapatan dan langkah berjimat cermat. Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan program SPSS dan statistik frekuensi digunakan untuk memerihalkan data secara deskriptif dan ujian Khi Kuasa Dua (melalui analisis “*crosstabulation*”) digunakan untuk mengenal pasti perbezaan persepsi terhadap tahap kecukupan pendapatan dan langkah berjimat cermat yang dilakukan mengikut kumpulan etnik yang berbeza.

Hasil kajian

Dari segi etnik, kebanyakan responden (60.7%) dalam kajian ini terdiri daripada bangsa Melayu, diikuti oleh 33.7% yang berbangsa Cina dan 3.1% berbangsa India. Hal ini menunjukkan bahawa peratusan mereka yang berbangsa Melayu dan Cina adalah menghampiri peratusan mengikut nisbah yang biasa digunakan dalam kajian-kajian terdahulu apabila melibatkan perbandingan mengikut etnik, iaitu 5:3:1 bagi Melayu:Cina:India. Namun begitu, memandangkan peratusan bagi responden atau keluarga yang berbangsa India dalam kajian ini adalah agak jauh daripada nisbah yang telah ditetapkan, hasil kajian ini yang akan dibincangkan seterusnya akan menggabungkan data responden berbangsa India dengan responden berbangsa “lain-lain” bagi mendapatkan hasil analisis yang lebih jitu, terutamanya yang melibatkan ujian “*crosstab*” (untuk analisis menggunakan Khi Kuasa Dua) yang memerlukan saiz sampel yang lebih sesuai (iaitu dengan cara menggabungkan bangsa India dengan “lain-lain”).

Hasil kajian ini juga akan membincangkan tentang perbandingan yang dibuat dengan menggunakan peratusan, hasil daripada analisis menggunakan “*crosstab*”. Hal ini kerana walaupun bilangan responden atau keluarga

mengikut etnik yang berbeza adalah tidak sama, namun penggunaan peratusan tidak menjadi masalah kerana peratusan yang dikira adalah berdasarkan kepada jumlah 100.0% mengikut setiap kumpulan etnik. Tambahan, cara yang sama turut digunakan atau dilaporkan dalam kajian Fan dan Zuiker (1998) iaitu bilangan responden *Hispanic* dan *Non-hispanic* mereka juga adalah jauh berbeza, iaitu masing-masing sebanyak 588 dan 8444 orang.

Maklumat latar belakang responden dan keluarga

Maklumat latar belakang responden dan keluarga yang telah diringkaskan dalam Jadual 1 dibentuk berdasarkan kumpulan etnik yang terlibat dalam kajian. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa peratusan responden lelaki dan perempuan adalah hampir sama bagi kumpulan etnik Melayu (52.0% lelaki; 48.0% perempuan) dan Cina (49.1% lelaki; 50.9% perempuan). Sementara itu, bagi kumpulan etnik India dan lain-lain pula, peratusan responden perempuan (61.1%) yang terlibat dalam kajian ini adalah melebihi daripada peratusan responden lelaki (38.9%).

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden dan Keluarga

Angkubah	Etnik					
	Melayu		Cina		India dan Lain-lain	
	n	%	n	%	n	%
Jantina						
Lelaki	103	52.0	54	49.1	7	38.9
Perempuan	95	48.0	56	50.9	11	61.1
Umur						
30 tahun ke bawah	6	3.0	7	6.4	0	-
31 – 40 tahun	44	22.2	10	9.1	6	33.3
41 – 50 tahun	75	37.9	37	33.6	7	38.9
51 – 60 tahun	65	32.8	54	49.1	5	37.8
61 tahun ke atas	8	4.0	2	1.8	0	-
Status perkahwinan						
Berkahwin	182	91.9	103	93.6	15	83.3
Berpisah	8	4.0	2	1.8	2	11.1
Balu/duda	8	4.0	5	4.5	1	5.6
Lokasi tempat tinggal						
Bandar/Pinggir bandar	117	59.1	69	62.7	15	83.3
Luar bandar	81	40.9	41	37.3	3	16.7
Bilangan tanggungan						
1 – 3 orang	50	25.3	51	46.4	6	33.3
4 – 6 orang	99	50.0	49	44.5	11	61.1
7 orang dan lebih	49	24.7	10	9.1	1	5.6

Jadul 1: (sambungan)

Angkubah	Etnik					
	Melayu		Cina		India dan Lain-lain	
	n	%	n	%	n	%
Tahap pendidikan tertinggi responden						
Tidak bersekolah	1	0.5	2	1.8	0	-
Sekolah Rendah	20	10.1	28	25.5	2	11.1
PMR/SRP/LCE	22	11.1	25	22.7	5	27.8
SPM/MCE	70	35.4	28	25.5	3	16.7
STPM/HSE/Sijil	25	12.6	13	11.8	1	5.6
Diploma/Bachelor/Ijazah Lanjutan	60	30.3	14	12.7	7	8.6
Pendapatan utama responden (bulanan)						
Kurang dari RM1000	78	39.4	49	44.5	11	61.1
RM1001 – RM 3000	83	41.9	54	49.1	6	33.3
RM3001 – RM5000	22	11.1	7	6.4	1	5.6
RM5001 – RM7000	7	3.5	0	-	0	-
RM7001 – RM10000	5	2.5	0	-	0	-
RM10000 ke atas	3	1.5	0	-	0	-
Bilangan anak bersekolah (orang)						
1	68	34.3	63	57.3	8	44.4
2	68	34.3	34	30.9	4	22.2
3	38	19.2	13	11.8	4	22.2
4	18	9.1	0	-	2	11.1
5	2	1.0	0	-	0	-
6	4	2.0	0	-	0	-

Jika dilihat dari segi kumpulan umur, didapati bahawa terdapat perbezaan secara deskriptif dari segi kumpulan umur ini mengikut etnik yang berbeza. Perbezaan ini dapat diperhatikan dari segi peratusan tertinggi responden iaitu bagi kumpulan etnik Melayu, kebanyakan respondennya berada dalam lingkungan umur antara 41 hingga 50 tahun (37.9%). Sementara itu, hampir separuh daripada kumpulan etnik Cina berada dalam lingkungan umur yang lebih tua sedikit daripada Melayu, iaitu antara 51 hingga 60 tahun (49.1%). Bagi kumpulan etnik India dan lain-lain pula, dua peratusan tertinggi mereka berada antara kumpulan umur 41 hingga 50 tahun (38.9%) dan 51 hingga 60 tahun (37.8%).

Dari segi status perkahwinan pula, didapati majoriti responden bagi ketiga-tiga kumpulan etnik yang dikaji telah berkahwin. Dilihat dari segi lokasi tempat tinggal, kajian mendapati bahawa responden daripada kumpulan etnik

Melayu yang tinggal di bandar/pinggir bandar dan luar bandar adalah hampir sama. Namun begitu, peratusan mereka yang tinggal di bandar/pinggir bandar adalah lebih tinggi bagi kedua-dua etnik yang lain. Walau bagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak terlalu ketara.

Sementara itu, dari segi bilangan tanggungan, kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan secara deskriptif yang wujud dalam aspek ini, iaitu perbezaan ini dapat dilihat dalam kalangan kumpulan etnik Cina dengan kedua-dua kumpulan etnik yang lain. Didapati peratusan tertinggi menunjukkan keluarga responden Cina ini mempunyai bilangan tanggungan antara 1 hingga 3 orang sahaja. Sebaliknya, peratusan tertinggi bagi keluarga daripada kedua-dua kumpulan etnik lain menunjukkan bahawa bilangan tanggungan mereka adalah antara 4 hingga 6 orang (Melayu = 50.0%; India dan lain-lain = 61.1%). Hal ini mencerminkan bahawa bilangan tanggungan keluarga responden Cina adalah kurang berbanding dengan keluarga responden Melayu dan India serta etnik lain.

Seterusnya, jika dibandingkan dari segi tahap pendidikan tertinggi responden, didapati bahawa terdapat perbezaan bagi ketiga-tiga kumpulan etnik yang dikaji. Peratusan tertinggi responden daripada kumpulan etnik Melayu (35.5%) didapati berkululusan SPM/MCE. Seterusnya, ini diikuti oleh mereka yang berkelulusan sehingga ke peringkat tertiar, iaitu mempunyai diploma/bachelor/ijazah lanjutan. Bagi responden dari kumpulan etnik Cina pula, kebanyakan mereka didapati mempunyai pendidikan di peringkat yang agak kurang daripada kumpulan etnik Melayu, iaitu sama ada berkelulusan sekolah rendah (25.5%), SPM/MCE (25.5%) atau PMR/SRP/LCE (22.7%). Sementara itu, peratusan tertinggi bagi kumpulan etnik India dan lain-lain menunjukkan bahawa lebih kurang satu perempat daripada mereka (27.8%) hanya berkelulusan sehingga ke peringkat sekolah rendah sahaja. Hal ini menunjukkan ketiga-tiga kumpulan etnik yang terlibat dalam kajian ini mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza.

Apabila pendapatan utama responden diteliti, peratusan tertinggi menunjukkan bahawa pendapatan kumpulan etnik Melayu (41.9%) dan Cina (49.1%) adalah antara RM1001 hingga RM3000 sebulan. Sebaliknya, peratusan tertinggi bagi pendapatan responden India dan lain-lain adalah kurang daripada RM1000 sebulan (61.1%). Selain itu, terdapat juga sebilangan kecil responden Melayu yang mempunyai pendapatan melebihi RM5000 ke atas yang tidak terdapat dalam kumpulan etnik yang lain. Namun begitu, perbezaan ini tidaklah begitu ketara.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan secara deskriptif bagi ketiga-tiga kumpulan etnik ini dari segi bilangan anak yang bersekolah. Lebih separuh daripada keluarga daripada kumpulan etnik Melayu didapati

mempunyai seramai dua orang anak yang bersekolah (68.6%). Sebaliknya, lebih kurang separuh daripada keluarga Cina dan India serta lain-lain mempunyai hanya seorang anak yang bersekolah, iaitu masing-masing sebanyak 57.3% dan 44.4%.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa latar belakang responden dan keluarga bagi ketiga-tiga kumpulan etnik yang terlibat adalah berbeza secara deskriptif bagi beberapa angkubah yang tertentu. Perbezaan ini boleh dilihat dari segi umur, bilangan tanggungan, tahap pendidikan tertinggi dan bilangan anak yang bersekolah. Namun begitu, jika dilihat dari segi pendapatan utama, perbezaan bagi ketiga-tiga kumpulan etnik yang dikaji tidak terlalu ketara dan ini menunjukkan bahawa latar belakang ekonomi mereka adalah hampir sama.

Perbandingan pola perbelanjaan awal musim persekolahan mengikut etnik

Kajian yang dilakukan oleh Hogarth, Beverly dan Hilgert (2003), Joo dan Grable (2004) mendapati bahawa tingkah laku kewangan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan tahap kepuasan kewangan seseorang. Oleh itu, dalam memerihalkan tingkah laku kewangan keluarga daripada pelbagai latar belakang etnik yang berbeza, berkaitan persediaan dan perbelanjaan awal persekolahan dalam kajian ini, pola perbelanjaan adalah dikenal pasti. Pola perbelanjaan awal yang dibincangkan dalam bahagian ini merangkumi aspek persiapan kewangan yang dilakukan oleh keluarga, masa mereka membuat persiapan, anggaran peruntukan yang dibuat, dan sumber kewangan yang mereka gunakan untuk membuat perbelanjaan berkenaan (Jadual 2).

Dari segi persiapan kewangan untuk memulakan persekolahan baharu ini, didapati bahawa majoriti semua kumpulan etnik Melayu (92.9%), Cina (81.8%), dan India serta lain-lain (100.0%) sememangnya melakukan persiapan kewangan untuk perkara ini. Namun begitu, hasil analisis deskriptif ini menunjukkan bahawa masih terdapat perbezaan dalam aspek membuat persiapan kewangan ini bagi ketiga-tiga kumpulan etnik yang dikaji. Didapati bahawa masih terdapat sebanyak 18.2% dan 7.1% keluarga Cina dan Melayu, masing-masing yang tidak membuat persiapan kewangan ini berbanding dengan keluarga India.

Jadual 2: Perbandingan Pola Perbelanjaan Awal Persekolahan Mengikut Etnik

Angkubah	Etnik					
	Melayu		Cina		India dan Lain-lain	
	n	%	n	%	n	%
Persiapan kewangan						
Ada	184	92.9	90	81.8	18	100.0
Tiada	14	7.1	20	18.2	0	-
Bila membuat persiapan?						
Apabila mula sekolah/awal tahun.	26	13.2	11	10.2	3	16.7
Hujung tahun	53	26.9	24	22.2	10	55.6
Sebulan sebelum mula sekolah (November).	41	20.8	22	20.4	4	22.2
Sepanjang tahun/bila-bila masa yang diperlukan.	77	39.1	51	47.2	1	5.6
Anggaran jumlah peruntukan						
RM100 – RM300	24	12.1	12	10.9	2	11.1
RM301 – RM500	48	24.2	34	30.9	5	27.8
RM501 – RM1000	62	31.3	38	34.5	6	33.3
RM1001 – RM1500	23	11.6	9	8.2	1	5.6
RM1501 – RM2000	23	11.6	10	9.1	1	5.6
RM2001 – RM3000	8	4.0	4	3.6	3	16.7
RM3001 dan ke atas	10	5.1	3	2.7	0	-
Sumber kewangan						
Gaji	160	80.8	95	86.4	16	5.9
Bonus	4	2.0	1	0.9	0	-
Simpanan/pelaburan	28	14.1	12	10.9	2	4.8
Kad kredit	0	-	1	0.9	0	-
Penjualan barangan	2	1.0	1	0.9	0	-
Penggadaian barangan	1	0.5	0	-	0	-
Wang pencen	2	1.0	0	-	0	-
Sewa rumah	1	0.5	0	-	0	-


Seterusnya, dari segi masa melakukan persiapan kewangan ini pula, didapati bahawa terdapat perbezaan secara deskriptif mengikut kumpulan etnik yang terlibat. Perbezaan ini dapat dilihat berdasarkan peratusan tertinggi bagi ketiga-tiga kumpulan etnik ini, iaitu lebih daripada satu pertiga keluarga Melayu (39.1%) dan hampir separuh daripada keluarga Cina (47.2%) didapati membuat persiapan tersebut sepanjang tahun atau berdasarkan keperluan, iaitu pada bila-bila masa yang diperlukan. Hal ini berbeza dengan keluarga daripada kumpulan etnik India dan lain-lain kerana kajian

mendapati bahawa lebih separuh daripada mereka ini akan membuat persiapan yang dimaksudkan pada hujung tahun, iaitu pada bulan Disember.

Jika dilihat dari segi anggaran peruntukan kewangan pula, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi ketiga-tiga kumpulan etnik ini. Kebanyakan kumpulan etnik ini memperuntukkan antara RM301 hingga RM1000 untuk membuat perbelanjaan awal persekolahan anak-anak mereka. Sementara itu, kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi ketiga-tiga kumpulan etnik jika dilihat dari segi sumber kewangan yang mereka gunakan semasa membuat perbelanjaan awal persekolahan ini. Hal ini kerana majoriti keluarga daripada semua kumpulan etnik ini bergantung pada gaji mereka untuk membuat perbelanjaan ini. Namun begitu, jika dilihat dengan lebih teliti, Jadual 2 juga menunjukkan bahawa keluarga daripada kumpulan etnik India dan lain-lain hanya bergantung pada dua sumber kewangan sahaja, iaitu gaji dan simpanan/pelaburan mereka, manakala bagi keluarga dari dua kumpulan etnik yang lain, iaitu Melayu dan Cina, sumber kewangan mereka adalah lebih pelbagai iaitu merangkumi bonus, hasil penjualan barangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perbezaan yang ditunjukkan ini tidaklah terlalu ketara.


Perbandingan persepsi tahap kecukupan pendapatan keluarga dan langkah berjimat cermat mengikut etnik

Rajah 1 menunjukkan persepsi ketiga-tiga kumpulan etnik mengenai tahap kecukupan pendapatan keluarga mereka dalam membuat perbelanjaan awal persekolahan anak-anak. Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($p=0.000$) bagi persepsi tahap kecukupan ini dalam kalangan kumpulan etnik yang berbeza. Perbezaan ini dapat diteliti dari beberapa segi, iaitu bagi persepsi yang merasakan bahawa kewangan keluarga mereka tidak pernah mencukupi untuk membuat perbelanjaan awal persekolahan ini adalah paling tinggi dalam kalangan keluarga daripada kumpulan etnik India dan lain-lain (16.7%). Dapatan ini dilihat konsisten atau disokong dengan hasil kajian yang mendapati bahawa kewangan keluarga kaum India dan lain-lain ini hanya mencukupi untuk keperluan asas persekolahan sahaja (38.9%), jika dilihat berdasarkan kepada peratusan tertinggi untuk kaum ini. Malah, tiada seorang pun keluarga daripada kaum ini yang merasakan bahawa kewangan daripada pendapatan mereka adalah lebih daripada mencukupi. Sebaliknya, peratusan tertinggi keluarga daripada dua kumpulan etnik yang lain, iaitu Melayu (48.5%) dan Cina (52.7%) menunjukkan bahawa mereka merasakan bahawa pendapatan keluarga mereka adalah cukup untuk kebanyakan benda tetapi tidak kesemuanya.



Rajah 1: Perbandingan Persepsi Tahap Kecukupan Pendapatan Keluarga dalam Membuat Perbelanjaan Awal Persekolahan Mengikut Etnik

Kajian yang dilakukan oleh Kim, Garman dan Sorhaindo (2003a); Kim, Garman dan Sorhaindo (2003b); Xiao, Sorhaindo dan Garman (2004) membuktikan bahawa tekanan kewangan dapat dikurangkan melalui amalan tingkah laku kewangan yang positif. Tingkah laku kewangan yang positif yang dimaksudkan adalah seperti mengurangkan jumlah perbelanjaan dengan mengambil langkah-langkah tertentu, termasuklah langkah berjimat cermat. Oleh itu, selari dengan persepsi keluarga tentang tahap kecukupan kewangan mereka, kajian ini juga cuba mendapatkan maklumat mengenai langkah berjimat cermat yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan etnik yang dikaji dalam usaha mereka memenuhi keperluan persekolahan anak-anak mereka dan membuat perbelanjaan berkenaan. Rajah 2 menunjukkan ringkasan langkah berjimat cermat ini yang hanya mengambil kira mereka yang menjawab “ya” sahaja, iaitu melibatkan peratusan mereka yang melakukan langkah yang disenaraikan dalam borang soal selidik, iaitu mengguna semula baju atau pakaian sekolah yang lama, berkongsi pakaian, membeli yang termampu dahulu, mengguna semula pakaian atau peralatan sekolah selagi mereka merasakan bahawa peralatan tersebut masih boleh digunakan dan membeli pakaian atau peralatan sekolah yang dijual pada harga yang murah. Daripada kelima-lima langkah yang disenaraikan dalam kajian ini, didapati bahawa majoriti keluarga sememangnya melakukan kesemua langkah, kecuali berkongsi pakaian yang hanya dilakukan oleh sebahagian kecil keluarga dalam kesemua kumpulan etnik yang dikaji.



Rajah 2: Perbandingan Langkah Berjimat Cermat Mengikut Etnik

Berdasarkan analisis ujian Khi Kuasa Dua, didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan ketiga-tiga kumpulan etnik dari segi langkah menggunakan semula baju atau pakaian sekolah yang lama ($p=0.031$) dan berkongsi pakaian ($p=0.004$). Bagi langkah menggunakan semula baju atau pakaian sekolah yang lama, didapati bahawa peratusan keluarga Melayu adalah kurang berbanding dengan keluarga Cina dan India serta etnik lain. Malahan, didapati bahawa langkah ini lebih banyak dilakukan oleh keluarga India. Sementara itu, bagi langkah berkongsi pakaian pula, perbezaan dapat dilihat dengan ketara antara keluarga India dan lain-lain, yang lebih ramai melakukannya berbanding dengan keluarga daripada kumpulan etnik Melayu dan Cina.

Kesimpulan dan implikasi

Kajian ini telah mengenal pasti perbezaan dalam pola perbelanjaan pada awal musim persekolahan dalam kalangan keluarga di Malaysia mengikut kumpulan etnik yang berbeza, iaitu Melayu, Cina, dan India serta lain-lain. Memandangkan kajian seumpama ini masih kurang dijalankan sebelum ini, kajian ini dilihat memberi kepentingannya yang tersendiri dari segi menjelaskan gambaran terkini mengenai perbezaan dan persamaan yang wujud dalam kumpulan etnik yang dikaji berdasarkan persediaan mereka terhadap perbelanjaan pada awal musim persekolahan.

Berdasarkan dapatan mengenai pola perbelanjaan pula, dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhannya, jika dilihat daripada aspek membuat persiapan dan masa keluarga membuat persiapan berkenaan, keluarga daripada kumpulan etnik India dan lain-lain didapati lebih mengambil berat akan hal ini berbanding dengan keluarga daripada kumpulan etnik yang lain. Namun begitu, jika dilihat dari segi anggaran peruntukan pula, kajian ini menyimpulkan bahawa majoriti keluarga daripada ketiga-tiga kumpulan etnik yang dikaji boleh dikatakan tidak membuat peruntukkan yang sepatutnya yang sesuai dengan realiti kos perbelanjaan persediaan pada awal persekolahan yang sebenarnya. Hal ini seterusnya mungkin mencerminkan perancangan kewangan keluarga yang kurang mengambil berat akan persediaan perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka, walaupun analisis sebelum ini mendapati bahawa majoriti daripada mereka membuat persiapan kewangan untuk perbelanjaan pada awal persekolahan. Namun begitu, hal ini mungkin tidak dapat dielakkan memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat dan ditambah dengan situasi harga barangan yang turut meningkat naik, justeru menyebabkan banyak perkara lain dalam perbelanjaan keluarga perlu juga diberi perhatian dalam usaha mereka membuat perancangan kewangan.

Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi tahap kecukupan pendapatan mereka dalam membuat perbelanjaan awal persekolahan ini dalam kalangan kumpulan etnik yang dikaji. Keluarga daripada kumpulan etnik India dan lain-lain mempunyai persepsi yang kurang memberangsangkan berbanding dengan keluarga daripada kumpulan etnik yang ini. Hal ini kerana peratusan tertinggi yang ditunjukkan oleh kumpulan etnik ini menjelaskan bahawa kebanyakan daripada mereka merasakan bahawa pendapatan keluarga mereka tidak pernah mencukupi untuk membuat perbelanjaan pada awal persekolahan ini. Begitu juga, kajian ini mendapati bahawa tiada seorang pun keluarga daripada kaum ini yang merasakan bahawa pendapatan mereka adalah lebih daripada mencukupi. Sebaliknya, peratusan tertinggi keluarga daripada dua kumpulan etnik yang lain, iaitu Melayu dan Cina menunjukkan bahawa mereka merasakan bahawa pendapatan keluarga mereka adalah cukup untuk kebanyakan benda tetapi tidak kesemuanya.

Kajian berhubung kesukaran kewangan dan tekanan kewangan menunjukkan bahawa tingkah laku pengurusan kewangan berkait rapat dengan kesejahteraan kewangan (Kim *et al.*, 2003a; Kim *et al.*, 2003b; dan Xiao *et al.*, 2004). Oleh itu, kajian ini memberikan beberapa implikasi yang penting yang antaranya boleh dilihat dari sudut pengurusan kewangan keluarga itu sendiri. Keluarga daripada etnik yang berbeza didapati mengamalkan pola perbezaan yang agak berbeza antara satu sama lain seperti yang dibincangkan sebelum ini. Begitu juga dengan persepsi terhadap kecukupan pendapatan

untuk membuat perbelanjaan pada awal persekolahan anak-anak mereka. Dalam hal ini, keluarga perlu memperkukuhkan ekonomi mereka dalam keadaan cabaran ekonomi yang semakin bertambah melalui pengurusan kewangan yang baik. Hal ini kerana secara umumnya apabila keluarga tidak berupaya menguruskan kewangan dengan baik, ia menjadi masalah kepada masyarakat (Chen & Volpe, 1998), apatah lagi jika diambil kira latar belakang etnik keluarga berkenaan.

Selain itu, bagi pihak kerajaan, pembentukan polisi tertentu mungkin dilihat masih relevan dalam membantu keluarga daripada pelbagai latar belakang ini, iaitu yang berhubung dengan bantuan persekolahan supaya semua keluarga di Malaysia dapat sama-sama meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan keluarga masing-masing. Di pihak pemasar pula, peranan mereka boleh disalurkan dari segi segmentasi pasaran yang bersesuaian yang boleh membantu keluarga daripada pelbagai latar belakang etnik, terutamanya dengan mengambil kira pengeluaran dan pemasaran barangan persekolahan yang bersesuaian dengan jenis dan keperluan pelbagai kumpulan etnik di Malaysia.

Rujukan

Baek, E. & DeVaney, S. A. (2004). Assessing the baby boomers' financial wellness using financial ratios and a subjective measure. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 32(4), 421-448.

Chen, H. & Volpe, R.P. (1998). An analysis of personal financial literacy among college students. *Financial Services Review*, 7(2), 107-128.

Fan, J.X. & Lewis, J.K. (1999). Budget allocation patterns of African Americans. *The Journal fo Consumer Affairs*, 33(1), 134-164.

Fan, J.X. & Zuiker, V.S. (1998). A comparison of household budget allocation patterns between Hispanic Americans and Non-hispanic White Americans. *Journal of Family and Economics Issues*, 19(2), 151-172.

Fontes, A. & Fan, J.X. (2010). The effects of ethnic identity on household budget allocation to status conveying goods. *Journal of Family and Economic Issues*, 27(4), 643-663.

Garman, E.T. & Fogue, R.E. (2011). *Personal Finance (11^{ed})*. Mason, OH:South-Western, Cengage Learning.

Geng, C. (2001). Marketing to ethnic consumers: A historical journey (1932-1997). *Journal of Macromarketing*, 21(1), 23-32.

Hogarth, J.M., Beverly, S.G., & Hilgert, M. (2003). Patterns of financial behaviors: implications for community educators and policymakers discussion draft – February, 2003. In R. Zaimah, M. Jariah, H. Sharifah

Azizah, & O. Mumtazah (2010). Pola tingkah laku kewangan pekerja keluarga dwi kerjaya. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 13,114-124.

Husniyah, A.R. & M. Fazilah, A.S. (2009). The impact of financial management practices on financial well-being of families in Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer*, 12, 27-41

Husniyah, A.R., Syuhaily, O., M. Fazli, S., M. Amim, O., & Ahmad Hariza, H. (2005). Gelagat perancangan kewangan keluarga di Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 8, 27-39.

Joo, S-H. & Grable, J.E. (2004). An Exploratory Framework of the Determinants of Financial Satisfaction. *Journal of Family and Economics Issues*. 25(1): 25-50.

Titus, P.M., Fanslow, A.M., and Hira, T.K. (1989). Networth and financial satisfaction as a function of household money manager's competencies. *Home Economics Research Journal*, 17(6), 309-317.

Kim, J. & Garman, E.T. (2004). Financial stress, pay satisfaction and workplace performance. *Compensation and Benefits Review*, 36(1), 69-76.

Kim, J., Garman, E.T., & Sorhaindo, B. (2003a). Relationships among credit counseling clients' financial well-being, financial behaviors, financial stressor events, and health. *Financial Counseling and Planning Education*, 14(2), 75-87.

Kim, J., Garman, E.T., & Sorhaindo, B. (2003b). Relationships among credit counseling, financial well-being and health. *Consumer Interests Annual*, 49, 1-12.

Xiao, J.J., sorhaindo, b., & garman, e. t. (2004). Financial behaviors of Consumers in credit Counseling. *Consumer Interests Annual*, 50, 131-133.

Zaimah, R., Sarmila, M. S., Lyndon, N., Azima, A. M., Selvadurai, S., Saad, S., & Er, A. C. (2013). financial behaviors of female teachers in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(8), 34-41.